

**PENILAIAN PENGGUNAAN MODUL PENGAJARAN PANTUN MELAYU  
TINGKATAN 2 BERASASKAN MAKSUD AL-QURAN MENGENAI KEINDAHAN  
FLORA, FAUNA DAN LANGIT**

**Rashidah Binti Haji Mohd  
Saedah Siraj  
\*Zaharah Hussin**

Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya  
\* zaharah@um.edu.my

**ABSTRACT**

The objective of this study is to evaluate the teaching module of Malay pantun using the meaning of the ayat al-Quran on the beauty of flora, fauna and the sky. The methodology used is a single group experiment with fifteen student of form two at secondary school level. There were three techniques of evaluation namely the comprehension test, attitude evaluation, and pre-post interveiws. The result indicated that positive achievement from the test, positive attitude on the module presented, and feedback has been well received among students in post interviews after the experiment. Based on the finding of the study, the Malay pantun teaching module has good potential to be implemented in schools.

**Keywords:** *Teaching module, Malay pantun, Beauty of flora-fauna-sky, Evaluation*

**PENGENALAN**

Pantun merakamkan sebahagian falsafah kehidupan orang Melayu melibatkan keakraban hubungan manusia dengan alam. Pantun mencerminkan kebijaksanaan dan ini menyerlah lagi apabila pantun membawa unsur kiasan dan ibarat yang terpengaruh dengan sastera Islam (Muhammad, 2000). Pantun yang indah memancarkan kesempurnaan dan kehormatan bahasa sastera Melayu seperti contoh yang diberikan oleh Muhammad Haji Salleh (2000:145)

Jika tidak kerana bulan,  
Masakan bintang terbit tinggi.  
Jika tidak kerana tuan,  
Masakan abang datang ke mari.

Sumber pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menerusi pantun seharusnya menambahkan keberkesanan pengajaran guru dan dapat memudahkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu konsep yang diajar kepada murid.

**PENYATAAN MASALAH**

Pantun tercipta dengan penggunaan rangkap pembayang dan maksudnya. Jika indah pembayangannya, keseluruhan rangkap pantun tersebut akan menjadi indah dan bermakna mendalam. Kebanyakan pantun Melayu menggunakan keindahan alam yang bersifat semasa sebagai pembayang. Bagaimanapun

terdapat kekurangan jumlah penulis pantun Melayu yang mengikuti perkembangan semasa (Jelani Harun, 2004), apatahlagi penciptaan pantun yang menggunakan maksud ayat-ayat dalam al-Quran. Terdapat juga kekurangan penulis dalam penciptaan baru pantun Melayu khasnya pantun remaja yang boleh menarik minat mereka yang dahagakan ilmu kerohanian.

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu khasnya dalam aspek pantun Melayu yang berpusatkan guru masih diamalkan secara berleluasa, sedangkan pembelajaran berpusatkan murid adalah lebih terkini. Kajian Baxter dan Gray (2001) serta Chase dan Geldenhuys (2001) menunjukkan pembelajaran berpusatkan murid mempunyai banyak kelebihan antaranya: (i) murid akan lebih bertanggungjawab ke atas pembelajaran mereka, dan (ii) murid akan diberi peluang untuk penerokaan sendiri. Dalam kajian ini, penciptaan pantun menggunakan maksud Al-Quran bagi pantun jenaka/humor/hiburan, pantun teka-teki/soalan, dan pantun sindiran (untuk moral dan akhlak) berasaskan keindahan flora, fauna dan langit ini menjadikan bahan pembelajaran murid lebih bermakna dan bernilai. Kajian ini berfokus kepada penilaian terhadap

Hasilan kajian ini dipercayai dapat memberikan bukti mengenai kebolegunaan modul pengajaran yang berasaskan model kemahiran berfikir, dan sokongan dari ayat-ayat dan maksud al-Quran yang berkaitan keindahan flora, fauna dan langit. Pendekatan mengajar secara pusatan-murid melatih mereka menjadi pencipta pantun Melayu yang menggunakan pantun Melayu jenis jenaka/humor/hiburan, teka-teki/soalan dan sindiran (moral dan akhlak) dengan menggunakan maksud al-Quran sebagai pembayang.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini ialah untuk menilai modul pengajaran pantun Melayu Tingkatan 2 berasaskan maksud al-Quran mengenai keindahan flora, fauna dan langit. Secara khususnya objektif kajian ialah:

1. Untuk meninjau kefahaman murid terhadap pembinaan pantun Melayu menggunakan maksud ayat al-Quran terpilih mengenai flora fauna dan langit.
2. Untuk mengenalpasti sikap murid terhadap pengajaran dan pembelajaran menggunakan maksud ayat al-Quran terpilih mengenai flora, fauna dan langit.
3. Untuk menilai pandangan murid terhadap kebolegunaan pengajaran dan pembelajaran pantun Melayu menggunakan maksud ayat al-Quran terpilih mengenai flora fauna dan langit.

### **SOALAN KAJIAN**

Berdasarkan objektif kajian di atas, 3 Soalan Kajian dibentuk iaitu:

1. Apakah tahap kefahaman murid terhadap pembinaan pantun Melayu menggunakan maksud ayat al-Quran terpilih mengenai flora fauna dan langit?
2. Bagaimanakah sikap murid terhadap pengajaran dan pembelajaran pantun Melayu menggunakan maksud ayat al-Quran terpilih mengenai flora, fauna dan langit?
3. Sejauhmanakah pandangan murid terhadap kebolegunaan pengajaran dan pembelajaran pantun Melayu menggunakan maksud ayat al-Quran terpilih mengenai flora fauna dan langit?

### **SOROTAN LITERATUR**

Senario sorotan kajian lepas menggarapkan bahawa sukatan pelajaran bahasa Melayu (1988) berfokus kepada amalan i) Konsep Pengajaran bahasa merentas kurikulum (Pekeliling Iktisas Bil.17/1988) agar pelajar dapat mengungkapkan buah fikiran mereka dalam pelbagai bidang ilmu. ii) Konsep kesepaduan ilmu dan kemahiran pelbagai ilmu lain menerusi strategi gabungjalın dan penyerapan dalam pengajaran

dan pembelajaran (P & P) dan iii) Penekanan kepada penggunaan bahan sastera dalam pengajaran bahasa Melayu (KOMSAS) bagi memperkaya dan memantapkan bahasa murid (Juriah Long, 2008).

Sejarah penggunaan bahan kesusasteraan dalam sukatan mata pelajaran bahasa Melayu sebenarnya bermula sejak dari tahun 1988 lagi, yang bertajuk “Sukatan Pelajaran dan Peruntukan Masa untuk Mata Pelajaran, Program Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Bagi kelas Peralihan, Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 mulai tahun 1989 yang telah memperuntukan dua daripada enam masa mata pelajaran bahasa Malaysia dikhususkan kepada penggunaan bahan kesusasteraan. Satu senarai bahan kesusasteraan pelbagai genre telah disediakan bagi setiap tingkatan. Namun demikian, oleh kerana kurangnya penekanan kepada pelaksanaan, arahan pekeliling tersebut seolah-olah terabai kerana beberapa faktor:

- i) Kerana tiada soalan akan dikemukakan dalam peperiksaan, sama ada peperiksaan sekolah atau peperiksaan awam tentang bahan kesusasteraan tersebut, dan
- ii) Guru menganggap pekeliling tidak serius sepertimana arahan yang dikeluarkan.

Seterusnya pada tahun 2000 dalam sukatan pelajaran bahasa Melayu iaitu Pekeliling Ikhtisas KP (PPK) 2000 bagi peringkat sekolah menengah mewajibkan penggunaan KOMSAS dalam pengajaran bahasa Melayu di bilik darjah. Pelbagai genre bahan kesusasteraan seperti prosa tradisional, puisi tradisional, puisi moden, drama dan novel diwajibkan untuk digunakan dalam pengajaran bahasa Melayu sekurang-kurangnya selama 80 minit atau dua masa daripada enam masa yang diperuntukkan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam seminggu.

Dengan pelaksanaan arahan perkhidmatan ini, semua pelajar perlu membaca dan mengkaji sebanyak 26 karya sastera setahun. Perbezaan antara KOMSAS dengan penggunaan bahan kesusasteraan dalam pengajaran bahasa Malaysia sebelum ini ialah KOMSAS akan menjadi sebahagian daripada bahan dalam peperiksaan PMR dan SPM bagi kertas bahasa Melayu. Pada kali ini guru tidak lagi dapat mengelakkan diri daripada melaksanakan KOMSAS sepenuhnya dalam bilik darjah kerana murid akan terpaksa menjawab soalan peperiksaan yang dikemukakan berlandaskan bahan kesusasteraan yang diwajibkan pada setiap tingkatan. Hal yang demikian ini bermaksud, sekiranya guru gagal melaksanakan KOMSAS, maka pelajarnya akan menghadapi kesukaran untuk mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan kelak kerana setiap kertas akan mengandungi sekurang-kurangnya 15 hingga 20 peratus daripada markah KOMSAS.

Antara pelbagai masalah yang dihadapi oleh para guru yang terpaksa melaksanakan KOMSAS dalam pengajaran bahasa Melayu ialah terlalu banyak bahan yang perlu digunakan dalam bilik darjah dalam tempoh setahun, sedangkan masa terlalu singkat. Jumlah 28 genre bahan, enam puisi tradisional, enam puisi moden, empat petikan prosa tradisional, enam cerpen, tiga drama dan sebuah novel sememangnya mencabar keupayaan guru bagi mendesak para pelajarnya membaca kesemua bahan tersebut.

Masalah utama dalam pelaksanaan KOMSAS ialah kurangnya kemahiran guru dalam penggunaan bahan kesusasteraan sebagai komponen dalam pengajaran bahasa Melayu (Mahzan Arshad, 2008). Dalam pengajaran bahasa menggunakan bahan sastera, pelajar juga perlu diajar untuk mengaitkan pengalaman, budaya hidup, persekitaran dan pengetahuan sedia ada yang terdapat dalam diri mereka dengan bahan yang dipelajari. Menurut kajian Mahzan Arshad (1994) pemilihan keutamaan pelajar adalah rendah terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu disebabkan oleh salah tanggapan dan sikap pesimis pelajar. Matterson dan Jones (2000) menyatakan bahawa bahan kesusasteraan sebagai subjek yang rumit, sukar difahami dan membingungkan. Kekaburan bahasa dan makna menjadi penghalang pemahaman antara pembaca dan bahan kesusasteraan yang dipelajari. Malah sastera juga dianggap subjek yang ketinggalan zaman dan tidak berkaitan dalam perkembangan teknologi maklumat. Jadi pengkaji mendapati di sekolah juga tidak cukup modul pengajaran bahan kesusasteraan yang boleh menolong guru dalam pengajaran mereka setelah menemubual beberapa orang guru yang mengajar bahasa Melayu dengan komponen sastera di peringkat sekolah menengah di Selangor.

Mengenai pantun Melayu pula, Salinah Ja'afar, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Zurinah Hassan dan Shafa'atussara Silahudin (2016), membuat analisis berkaitan pantun Melayu dalam kajian mereka mendapati bahawa pantun Melayu banyak mengandungi ikon dan simbol agama yang bertujuan untuk menyampaikan nasihat, pengajaran dan sindiran kepada orang ramai. Nasihat dan pengajaran dapat dilihat dalam ikon Nabi Muhammad s.a.w dan ikon ulama, ikon imam khatib serta simbol Tuhan, Allah, agama, *loh mahfuz*, kain putih, sembahyang dan dunia akhirat. Sindiran pula ditonjolkan melalui ikon haji. Kesemua ikon dan simbol mempunyai makna-makna tertentu yang mengajak umat Islam ke arah kebaikan, mengingatkan Allah, mengingatkan kematian, mengingatkan Nabi Muhammad s.a.w, sentiasa menjaga diri daripada melakukan maksiat serta memperbaiki diri menjadi seorang Islam yang baik. Contoh pantun berkaitan dengan ketuhanan dan keagamaan adalah seperti berikut:

Pergi ke paya menangguk sepat,  
Dapat juga ikan haruan;  
Jangan suka duduk mengumpat,  
Kerja keji dimurkai Tuhan.

(Koleksi Pantun Zakaria Hitam dlm. Kumpulan Pantun Melayu, 1984:64)

Asam kandis asam gelugur,  
Ketiga asam si riang-riang;  
Menangis mayat di pintu kubur,  
Teringat badan tidak sembahyang.

(<http://www.slideshare.net/guest76146e/pantun-agama>)

Rashidah Mohd (2014) menjelaskan tentang Dunia Berjodoh bersesuaian kias ibarat hidup dunia alam dan dunia manusia serta saling rujukan di antaranya. Kajian beliau juga mendapati bahawa pemikiran masyarakat Peranakan Baba Melaka amat sesuai berhubung dengan pemikiran masyarakat Melayu yang saling berhubung antara mereka. Budaya masyarakat Peranakan Baba Melaka banyak meniru kehidupan seharian masyarakat Melayu dalam kehidupan mereka walaupun mereka bukan beragama Islam. Contoh pantun Peranakan Baba Melaka seperti di bawah:


Sana beritong sini berkisah  
Enta kah betol enta kah sala  
Untong suda di bri Allah  
Chembol dipegang jadi geliga. (PBBP Vol 1, 1911:12)

Lak-illa-hi tuan ku rabi  
Penat tulang segenap sandi  
Berkat suda Allah membri  
Siang tanaman serta menjadi. (PBBP Vol 1, 1911:12)

Mohd Fauzi bin Abdullah dalam bukunya "*Mari mencipta dan mempersembahkan Puisi Tradisional*" (2018) menjelaskan tentang kemahiran mencipta pantun merupakan satu daripada kemahiran menulis yang harus dipelajari oleh pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa Melayu atau kesusasteraan Melayu. Sebagai bahan kreatif, penciptaan pantun seharusnya digubah dengan menggunakan bahasa yang indah, puitis dan berkesan bagi menyampaikan gagasan pemikiran. Ciptaan juga harus menepati ciri puisi tradisional yang agak terkawal sifatnya.

Setakat ini, dalam kajian pantun Melayu, pengkaji mendapati tiada penciptaan pantun Melayu berasaskan maksud al-Quran melainkan aspek tentang menganalisis ikon-ikon berkaitan Islam dalam pantun Melayu oleh Sasterawan Negara (2015) iaitu Datuk Zurinah Hassan dalam buku karya bersama “*Wacana Pantun Melayu*” (2016) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Dua teori digunakan dalam pelaksanaan kajian ini iaitu 1) Teori Dewey; dan 2) Teori *Constraints* (TOC). Menurut John Dewey, pembelajaran menyelesaikan masalah melibatkan lima peringkat penyelesaian, sebagaimana yang ditunjukkan pada rajah 1 di bawah:



Rajah 1. Proses penyelesaian masalah

*Proses mengenal pasti masalah* melibatkan aktiviti memahami dan mengenal pasti aspek-aspek yang penting yang terkandung dalam masalah. *Peringkat mencari maklumat* melibatkan aktiviti mengumpul bahan-bahan atau fakta-fakta yang berkaitan dengan penyelesaian masalah. *Peringkat membuat hipotesis* merujuk kepada cadangan strategi dan cara menyelesaikan masalah. *Peringkat menguji hipotesis* merupakan proses pelaksanaan strategi dan aktiviti penyelesaian, manakala *peringkat menilai dan membuat rumusan* merujuk kepada aktiviti penilaian dan membuat rumusan terhadap teknik penyelesaian yang telah digunakan dalam proses penyelesaian masalah.

Teori *Constraints* (TOC) bertujuan membantu penggunaan kemahiran berfikir dan berkomunikasi secara sistematik, berlogik, tepat dan mudah dalam proses penyelesaian masalah. Penggunaan TOC dalam proses penyelesaian masalah bermula dengan mengenal pasti sesuatu bermasalah. Maka di dalam TOC, proses penyelesaian masalah mengandungi tiga langkah yang utama, iaitu:

- i) Kesedaran dan mengenal pasti situasi bermasalah
  - Pernyataan masalah.
  - Menentukan apa yang perlu diubah.
  - Menentukan objektif penyelesaian.
- ii) Mengenal pasti cara penyelesaian masalah:
  - Menentukan apa perubahan yang berlaku.
- iii) Pelaksanaan cara penyelesaian masalah.
  - Mengendalikan proses perubahan.

Di dalam TOC, terdapat tiga teknik yang boleh digunakan untuk pengajaran, iaitu, teknik awam, teknik sebab dan akibat, dan teknik mencita-citakan kejayaan. Teknik awam adalah digunakan untuk menyelesaikan masalah konflik, atau memikirkan tentang sesuatu keadaan, situasi, idea dan sebagainya. Teknik sebab dan akibat adalah digunakan untuk memikir tentang akibat sesuatu idea, tingkah laku, kejadian dan sebagainya. Di samping itu, teknik ini juga digunakan untuk membuat keputusan selepas memberi pertimbangan tentang akibat dari sesuatu masalah yang timbul. Teknik sebab dan akibat ini banyak menggunakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta reflektif, bersama dengan bentuk carta. Teknik mencita-citakan kejayaan adalah digunakan untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan cabaran. Teknik ini memerlukan teknik merancang secara kolaboratif dan sistematik, serta

kemahiran berfikir secara sistematik dan logikal. Maka penggunaan teknik TOC ini banyak melibatkan teknik pemudahcaraan dan kolaborasi.

Kedua-dua teori berkaitan sesuai menjadi asas kepada penciptaan modul pengajaran yang dibina oleh pengkaji untuk kajian ini berasaskan kepada aspek proses pengajaran yang melibatkan kemahiran penyelesaian masalah dan juga pembinaan aktiviti berkumpulan. Bagi aspek penilaian pula, kajian ini berasaskan kepada Model Salkind (2006) yang memberi penekanan penilaian kepada kumpulan eksperimen satu kumpulan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan metodologi Eksperimental Satu Kumpulan yang diperkenalkan oleh Salkind (2006). Seramai 15 murid Tingkatan 2 dipilih sebagai responden dalam kajian penilaian ini. Dalam melaksanakan data eksperimental satu kumpulan, pengkaji menggunakan ujian kefahaman pantun Melayu, penciptaan pantun Melayu, soal selidik sikap murid dan temu bual dalam kalangan responden untuk pra dan pasca pengajaran.

Penilaian dijalankan dengan menggunakan ujian kefahaman tentang pantun Melayu berasaskan maksud al-Quran mengenai keindahan flora, fauna dan langit Tingkatan 2. Perbincangan dalam kumpulan bertujuan untuk menguji penciptaan pantun Melayu oleh tiga kumpulan pelajar dalam bilih darjah. Setiap kumpulan mengandungi lima orang pelajar. Seorang dilantik sebagai pengerusi, seorang pencatat dan tiga orang ahli kumpulan.

Pada peringkat awal eksperimen, setiap kumpulan diberikan bahan sastera untuk mencipta pantun Melayu. Peranan pengerusi adalah menjelaskan tentang bahan yang telah diberi dan memberi penerangan tentang cara mencipta pantun. Peranan pencatat adalah mencatat dan meneliti maksud ayat al-Quran yang diberi dan mencari unsur flora, fauna dan langit yang sesuai. Jenis pantun yang hendak dicipta iaitu pantun jenaka/humor/hiburan dan pantun teka-teki/soalan serta pantun sindiran (moral dan akhlak). Tugas ahli kumpulan semasa mencipta pantun ialah memberi pendapat mereka dalam memilih baris frasa-frasa yang betul untuk disusun dalam rangkap pantun yang dibina sesuai dengan penggunaan maksud al-Quran. Setiap kumpulan perlu menyiapkan tiga jenis rangkap pantun Melayu empat kerat. Pencatat memainkan peranan dalam membaca pantun yang mereka cipta di hadapan kelas.

Temu bual lima orang murid semasa pra dan pasca diambil kira untuk menentukan nilai kebolegunaan modul pengajaran pantun Melayu berasaskan al-Quran mengenai keindahan flora, fauna dan langit. Pengajaran dan pembelajaran dirakam secara video dan audio untuk mendapatkan pandangan peserta. Rakaman tersebut ditranskripsi dan dianalisis mengikut tema dipanggil "Analisis Tematik".

### ***Ujian Pasca Pantun Melayu***

Kertas ujian diedar kepada 15 pelajar yang menjalani proses P&P pantun Melayu berasaskan maksud al-Quran selama 8 sesi. Masa satu jam diperuntukkan untuk menjawab soalan subjektif.

### ***Temu bual Pra dan Pasca serta Ujian Pasca***

Dalam fasa implementasi dan penilaian, pengkaji telah memilih untuk menjalankan temu bual pra dan pasca bagi Eksperimen satu kumpulan (*Single-Group Pretest-Posttest Design*) terhadap lima peserta kajian. Menurut Salkind (2006), ujian pra dan pasca satu kumpulan (*Single-Group Pretest-Posttest Design*) merupakan salah satu reka bentuk kaedah kajian Pra-Eksperimental yang membolehkan pengkaji membuat kajian perbandingan atau kesan terhadap sesuatu sekumpulan peserta kajian. Dalam kajian ini, temu bual pra dan pasca dilaksanakan adalah bertujuan untuk melihat sama ada terdapat

perubahan dan peningkatan dari aspek kesedaran dan pengetahuan peserta kajian terhadap modul pengajaran pantun Melayu.

Dalam masa pra dan pasca iaitu sebelum dan selepas pengajaran, lima murid ditemu bual secara separa berstruktur. Mereka dikehendaki menjawab soalan berkaitan dengan pantun Melayu. Ujian pasca pula dijalankan selepas kesemua peserta kajian selesai melalui proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan modul pengajaran pantun Melayu berasaskan maksud al-Quran mengenai keindahan flora, fauna dan langit Tingkatan 2 selama lapan sesi. Dalam ujian pasca ini, kesemua peserta kajian melalui ujian kefahaman pantun Melayu, pertandingan penciptaan pantun Melayu dan menjawab soalan kaji selidik sikap pelajar tentang pantun Melayu.

### ***Cara Pertandingan Pasca Pantun Melayu***

Pertandingan penciptaan pantun Melayu berbentuk pantun jenaka/humor/hiburan, pantun teka-teki/soalan dan pantun sindiran (moral dan akhlak) berasaskan maksud ayat al-Quran mengenai keindahan flora, fauna dan langit. Jenis pantun Melayu yang dihasilkan oleh murid adalah pantun empat kerat/baris. Penciptaan pantun dalam satu kumpulan terdiri daripada lima orang pelajar yang terdiri daripada seorang pengerusi, seorang pencatat dan tiga orang ahli kumpulan. Penciptaan pantun Melayu dijalankan dengan bimbingan pengkaji yang bertindak sebagai guru bahasa Melayu. Ketua kumpulan pelajar diberi soalan berkaitan bahan penciptaan pantun untuk mencorakkan reka cipta pantun Melayu yang kemudiannya dibentangkan di hadapan kelas sebagai mewakili kumpulan mereka melalui *microsoft power point*.

### ***Proses Permarkahan Ujian Pasca***


Pemarkahan ujian kefahaman adalah berdasarkan perkara berikut:

1. Interpretasi (50 markah)
  - Kesesuaian karya dengan jenis pantun
  - Olahan idea pembayang maksud dan maksud sesuai oleh pembemtang.
2. Kreativiti (50 markah)
  - Penggunaan maksud al-Quran yang sesuai dengan pantun yang dicipta.
  - Pantun yang dihasilkan sesuai dengan ciri pantun iaitu rima akhir yang sesuai dengan ciri pantun, sebaiknya ab, ab (ri,ta,ri,ta) atau sekurangnya a,b,a,b (ri,ta,gi,la).
  - Memasukkan gambar-gambar yang sesuai dengan pembayang maksud dan maksud pantun yang dicipta untuk menampakakan kreativiti pelajar.

### ***Proses Kesahan dan Kebolehpercayaan***

Proses kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini melibatkan beberapa fasa. Bagi ujian kefahaman, pengkaji mendapatkan nasihat dan semakan dari dua orang rakan guru Bahasa Melayu berpengalaman melebihi 10 tahun dalam mnegajar KOMSAS. Pandangan dan teguran mereka diambilkira secara formatif dari semasa ke semasa sebelum proses kutipan data. Untuk penghasilan tema dapatan temubual pula, pengkaji meminta bantuan semakan rakan penyelidik peringkat Ijazah kedoktoran menyemak sekurang-kurangnya 25% dari keseluruhan tema yang dihasilkan untuk melihat ketepatan penghasilan tema yang dikeluarkan dari transkripsi. Kebanyakan tema mempunyai persamaan makna yang dihasilkan oleh rakan penyelidik. Untuk ujian pasca, pengkaji mendapatkan pandangan positif dari seorang guru pakar bidang bahasa Melayu tentang kandungan dan skala yang dihasilkan oleh pengkaji.

Tatacara metodologi kajian dalam eksperimen satu kumpulan diperjelaskan seperti dalam rajah 2 di bawah:



Rajah 2. Carta Aliran Prosedur Analisis Data Penilaian

## DAPATAN KAJIAN

Perbincangan mengenai dapatan kajian dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu, 1) Dapatan terhadap Kefahaman melalui ujian dan pembentangan perbincangan kumpulan, 2) Analisis Sikap Murid terhadap pengajaran, dan 3) Dapatan Temu bual pra dan pasca.

### *Dapatan Terhadap Kefahaman*

Jawapan kepada Soalan Kajian 1 (Apakah tahap kefahaman murid terhadap pembinaan pantun Melayu menggunakan maksud ayat al-Quran terpilih mengenai flora fauna dan langit?) boleh dilihat dalam Jadual 1.



Jadual 1

*Keputusan Ujian Kefahaman Pantun Melayu*

BIL	RESPONDEN	MARKAH	GRED	KRITERIA
1.	R1	96	A	CEMERLANG
2.	R2	96	A	CEMERLANG
3.	R3	92	A	CEMERLANG
4.	R4	88	A	CEMERLANG
5.	R5	88	A	CEMERLANG
6.	R6	79	B	KEPUJIAN
7.	R7	71	B	KEPUJIAN
8.	R8	71	B	KEPUJIAN
9.	R9	71	B	KEPUJIAN
10.	R10	54	D	MEMUASKAN
11.	R11	54	D	MEMUASKAN
12.	R12	42	E	MENCAPAI TAHAP MINIM
13.	R13	33	F	} BELUM MENCAPAI TAHAP MINIMUM
14.	R14	33	F	
15.	R15	17	F	

Dari jadual 1 : Kelas aliran agama (KAA) yang diuji kefahaman pantun Melayu berasaskan maksud al-Quran setelah menjalani pengajaran dan pembelajaran selama lapan sesi di mana Responden 1, 2, 3, 4 dan 5 telah mendapat keputusan tertinggi 33.3 peratus (5) orang responden mendapat kriteria cemerlang, diikuti dengan responden 6, 7, 8, dan 9 mendapat keputusan 26.7 peratus (4) orang responden mendapat kriteria kepujian, diikuti responden 10 dan 11 mendapat keputusan 13.3 peratus (2), kriteria memuaskan, kemudian responden 12 mendapat keputusan 6.7 peratus (1) kriteria mencapai tahap minimum, dan akhir responden 13, 14, dan 15 mendapat keputusan 20 peratus (3) orang responden mendapat kriteria belum mencapai tahap minimum. Ini menggambarkan 12 responden bertindak balas dengan baik terhadap P & P pantun Melayu berasaskan maksud al-Quran, namun ada tiga pelajar yang lambat menerima pelajaran baru.

***Dapatan Analisis Data Pertandingan Penciptaan Pantun Melayu berasaskan Maksud al-Quran melalui Kerja Berkumpulan***

Berdasarkan kepada Jadual 2, tiga kumpulan telah dibentuk untuk menjayakan program penciptaan modul pengajaran pantun Melayu berasaskan maksud al-Quran iaitu kumpulan flora, fauna dan langit. Dalam setiap kumpulan terdapat lima orang ahli yang terdiri daripada seorang pengerusi seorang pencatat dan tiga orang ahli.

Merujuk kepada Jadual 2, Kumpulan Langit yang terdiri daripada R1(Pengerusi), R2(Pencatat), R3, R4 dan R5 (ahli kumpulan) telah mendapat 95.0 peratus dengan mencapai kriteria cemerlang mendapat tempat pertama dalam pembentangan *power point*. Diikuti dengan Kumpulan Flora yang terdiri daripada R6 (Pengerusi), R7(Pencatat), R8, R9 dan R10 (ahli kumpulan) telah mendapat 89.0 peratus dengan pencapaian kriteria cemerlang mendapat tempat kedua dalam pembentangan menggunakan *Microsot power point*. Manakala Kumpulan Fauna yang terdiri daripada R11(Pengerusi), R12(Pencatat), R13, R14 dan R15 (ahli kumpulan) telah mendapat 83.0 peratus dengan pencapaian kriteria kepujian.

Hasil pembentangan penciptaan pantun dengan menggunakan *Microsoft power point* telah membuktikan kebolehan murid sekolah menengah mahir dalam teknologi maklumat. Jadual 2 menunjukkan analisis keputusan hasil dari pertandingan penciptaan pantun Melayu berasaskan maksud al-Quran.

Jadual 2

*Data markah Pertandingan Power Point pantun Melayu berasaskan Maksud Al- Quran*

KUMPULAN	BIL	RESPONDEN	MARKAH	GRED	KRITERIA
LANGIT	1	R1	95	A	CEMERLANG
LANGIT	2	R2	95	A	CEMERLANG
LANGIT	3	R3	95	A	CEMERLANG
LANGIT	4	R4	95	A	CEMERLANG
LANGIT	5	R5	95	A	CEMERLANG
FLORA	1	R6	89	A	CEMERLANG
FLORA	2	R7	89	A	CEMERLANG
FLORA	3	R8	89	A	CEMERLANG
FLORA	4	R9	89	A	CEMERLANG
FLORA	5	R10	89	A	CEMERLANG
FAUNA	1	R11	83	B	KEPUJIAN
FAUNA	2	R12	83	B	KEPUJIAN
FAUNA	3	R13	83	B	KEPUJIAN
FAUNA	4	R14	83	B	KEPUJIAN
FAUNA	5	R15	83	B	KEPUJIAN

***Sikap Murid Terhadap Modul Pengajaran***

Dapatan kajian terhadap Soalan Kajian 2 (Bagaimanakah sikap murid terhadap pengajaran dan pembelajaran pantun Melayu menggunakan maksud ayat al-Quran terpilih mengenai flora fauna dan langit?) boleh didapati dalam Jadual 3.

Jadual 3 menunjukkan dapatan bahawa sikap yang paling tinggi ialah “Melalui pelajaran pantun Melayu maksud al-Quran saya dapat mengaplikasikan ilmu al-Quran saya (M = 4.80, SP=.414). Manakala sikap yang rendah ialah “Saya suka mengulangkaji pantun Melayu maksud al- Quran di rumah (M =4.13, S.P = .640) dan “Mata pelajaran pantun Melayu maksud al- Quran membolehkan saya menguasai mata pelajaran lain sepertimata pelajaran sains”( M= 4.13, S.P = .834).

Jadual 3

*Data Analisis Sikap Murid dalam Min dan Sisihan Piawai*

Bil	Sikap Murid	Min	S.P
B1	Saya seronok membaca pantun Melayu maksud al-Quran.	4.33	.724
B2	Saya gembira jika berpeluang membaca pantun Melayu maksud al- Quran dengan rakan-rakan.	4.40	.632
B3	Saya tertarik dengan cara guru membaca pantun Melayu maksud al- Quran.	4.40	.737
B4	Saya meminati genre pantun Melayu maksud al-Quran.	4.40	.632
B5	Saya menumpukan perhatian semasa pelajaran pantun Melayu maksud al-Quran. sambungan.....	4.47	.640
B6	Aktiviti pengajaran pantun Melayu tentang maksud al-Quran yang dikelolakan oleh guru menarik minat pembelajaran saya.	4.67	.488
B7	Saya gemar berbincang dengan rakan tentang pantun Melayu maksud al-Quran yang dipelajari.	4.40	.737
B8	Guru banyak memberi penerangan semasa mengajar pantun Melayu maksud al-Quran	4.60	.507
B9	Saya suka mencipta pantun Melayu maksud al-Quran.	4.33	.816

B10	Guru menggalakkan pelajar menyatakan pendapat tentang erti dalam pantun Melayu maksud al-Quran.	4.47	.640
B11	Saya suka mengulang-kaji pantun Melayu maksud al-Quran di rumah.	4.13	.640
B12	Pantun Melayu maksud al-Quran bukan mata pelajaran yang asing bagi saya.	4.40	.632
B13	Saya sedia menerima pandangan rakan semasa aktiviti memberi erti pantun Melayu maksud al-Quran yang dijalankan.	4.53	.640
B14	Guru menggalakkan pelajar bertukar-tukar pandangan semasa memberi erti dalam pantun Melayu maksud al-Quran.	4.47	.516
B15	Pelajaran pantun Melayu maksud al-Quran membantu saya menghayati alam ciptaan Allah swt.	4.67	.488
B16	Pantun Melayu maksud al-Quran sesuatu yang menyenangkan hati.	4.60	.632
B17	Melalui pelajaran pantun Melayu maksud al-Quran saya dapat mengaplikasikan ilmu al-Quran saya.	4.80	.737
B18	Guru membantu pelajar untuk mengaitkan pengalaman sendiri dengan pantun Melayu maksud al-Quran yang dipelajari sebelum ini.	4.40	.737
B19	Tanpa pantun Melayu maksud al-Quran pelajaran sastera tidak menarik.	4.40	.737
B20	Mata pelajaran pantun Melayu maksud al-Quran membolehkan saya menguasai mata pelajaran lain seperti mata pelajaran sains.	4.13	.834
B21	Mencipta pantun Melayu maksud al-Quran mengajar saya untuk mendalami tentang Pencipta alam ini.	4.47	.516
B22	Mencipta pantun Melayu maksud al-Quran juga mengajar saya untuk mendekati diri saya dengan alam flora, fauna dan langit.	4.47	.834
B23	Pantun Jenaka/humor/hiburan memberi unsur hiburan yang terkawal kepada saya.	4.47	.640
B24	Pantun teka-teki/soalan menguji minda saya. Alam flora, fauna dan langit memainkan peranan dalam merangsang minda ingin tahu saya.	4.40	.737
B25	Pantun sindiran (moral dan akhlak) mendidik remaja seperti saya tentang adab sopan, bertimbang rasa dan simpati kepada orang lain sesuai dengan maksud al-Quran.	4.67	.488
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.459</b>	<b>0.641</b>

Pada keseluruhannya dapatan kajian bahagian ini menunjukkan murid mempunyai sikap yang positif terhadap modul pengajaran yang digunakan.

#### *Dapatan Temu bual Pra dan Pasca Murid Terpilih*

Dapatan Kajian kepada Soalan Kajian 3 (Sejauhmanakah pandangan murid terhadap kebolegunaan modul pengajaran dan pembelajaran pantun Melayu menggunakan maksud ayat al-Quran terpilih mengenai flora fauna dan langit?) boleh dilihat dalam Jadual 4.

Analisis mengenai pandangan murid bagi proses pra pengajaran pantun Melayu berasaskan maksud al-Quran ialah seperti berikut:

*Penyataan responden R3, R4 dan R5 menyatakan “Ya” kepada ciri-ciri senang berinteraksi, mesra, menyeronok, kompetensi, tekun, aktif, menarik, banyak idea, tolong -menolong, dan pintar. Manakala mereka menanda “Tidak” kepada cerewet.*

*R1 dan R2- menyatakan “Ya” kepada ciri-ciri senang berinteraksi, mesra, menyeronok, tekun, aktif, menarik, banyak idea, tolong-menolong, dan pintar manakala menanda “Tidak” kepada kompetensi dan cerewet.*

Dapatan Analisis Temu bual Pasca pula mengenai pandangan murid selepas program pengajaran pantun Melayu berasaskan maksud al-Quran ialah seperti berikut:

*Penyataan responden R1, R2 dan R4 menyatakan “Ya” kepada ciri-ciri senang berinteraksi, mesra, menyeronok, tekun, aktif, menarik, banyak idea, bekerjasama, tolong menolong, pintar, berani memberi pendapat. Manakala mereka menanda “Tidak” kepada kompetensi/bersaing dan cerewet.*

**R3-** *menyatakan “Ya” kepada ciri-ciri senang berinteraksi, mesra, menyeronok, tekun, “Tidak” kepada banyak idea, cerewet dan berani memberi idea.*

**R5-** *menyatakan “Ya” kepada ciri-ciri senang berinteraksi, mesra, menyeronok, tekun, aktif, menarik, bekerjasama, pintar, berani memberi pendapat manakala menanda “Tidak” kepada kompetensi/bersaing, banyak idea, tolong menolong dan cerewet.*

#### ***Analisis Tema Bagi Kebolegunaan Modul Pantun Melayu Maksud Al-Quran***

Berdasarkan analisis temu bual, terdapat dua tema utama yang dapat dikeluarkan bagi menilai upaya kebolegunaan modul tersebut yang telah dikenal pasti oleh responden iaitu;

#### ***Keupayaan Mengetahui Maksud ayat-ayat al Quran***

Kesemua responden menyatakan dengan menggunakan pantun Melayu sebagai bahan dalam penghasilan pantun dalam pembelajaran KOMSAS, mereka dapat mengetahui maksud ayat-ayat al- quran dengan lebih jelas dan ini dapat memandu mereka untuk menghayati agama.

..... *Mengetahui maksud-maksud al-Quran (R1: L7: Responden 1:9.11.2017)*

..... *Mempunyai maksud al-Quran (R2: L7: Responden 2: 9.11.2017)*

#### ***Keupayaan meningkatkan ilmu Pengetahuan dan Nilai Kerohanian***

Kebanyakan responden memberi respons bahawa dengan menggunakan pantun Melayu sebagai bahan dalam penghasilan pantun dalam pembelajaran KOMSAS, mereka dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan nilai kerohanian.

... *Menambah ilmu pengetahuan.( R3: L7:Responden 3:9.11.2017)*

... *Menambah ilmu pengetahuan.( R 5 : L7:Responden 5: 9.11.2017)*

#### ***Keupayaan Menghayati bahasa Sastera***

Terdapat juga responden yang menyatakan dengan menggunakan pantun Melayu sebagai bahan dalam penghasilan pantun dalam pembelajaran KOMSAS, mereka berupaya menghayati bahasa sastera dengan lebih bermakna. Dalam dunia globalisasi, mereka kadang ingin cepat dan kurang menghayati bahan

sastera. Untuk itu, pendedahan pantun-pantun tersebut menarik minat mereka untuk menghati bahasa Sastera.

... Dapat memahami, menghayati sastera dan mencipta maksud pantun (R 4: L7: Responden 4: 9.11.2017)

### PERBINCANGAN DAPATAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Pihak pengurusan telah diperjelaskan tentang kekurangan bahan mengajar KOMSAS terutama pengajaran penciptaan pantun Melayu. Kekurangan bahan mengajar komsas yang menyebabkan P & P kurang memberangsangkan khasnya terhadap pengajaran guru terhadap penciptaan pantun Melayu. Kekurangan kemahiran guru dalam pengajaran menjadikan pelajar tidak berminat dalam pelajaran sastera ini.

Hasilan kajian telah menambah bahan bantu mengajar dalam kalangan guru di peringkat sekolah menengah. Kajian ini telah mengubah persepsi murid di peringkat sekolah menengah yang mempunyai sikap pesimis murid terhadap bahan sastera iaitu sajak, pantun, seloka dan gurindam seperti dalam hasil kajian oleh Mahzan Arshad (1994). Begitu juga hasil kajian sekurang-kurangnya dapat menyangkal tanggapan sebahagian murid yang berpandangan bahawa bahan sastera sebagai subjek yang rumit, sukar difahami dan membingungkan, kekaburan bahasa dan makna menjadi penghalang pemahaman antara pembaca dan bahan sastera yang dipelajari seperti laporan kajian Matterson dan Jones (2000).

Hasilan kajian juga mengutarakan kelebihan modul pengajaran pantun Melayu berpotensi menambahbaik bahan mengajar guru Tingkatan 2 pantun Melayu yang masih belum menggunakan maksud al-Quran mengenai keindahan flora, fauna dan langit sebelum ini untuk penciptaan pantun jenaka/humor/hiburan, pantun teka-teki/soalan, pantun sindiran (moral & akhlak).

Implikasi kepada hasil kajian ini menunjukkan bahawa modul pengajaran berkaitan akan memberi ruang penambahan bilangan pencipta pantun Melayu yang menggunakan maksud ayat-ayat al-Quran yang selama ini masih lagi kekurangan.

### PENUTUP

Isu dikenal pasti telah dapat menjadi satu alternatif bagi penyelesaian kekurangan bahan KOMSAS pengajaran pantun Melayu. Modul yang dibina dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah secara eksperimen satu kumpulan (Salkind, 2006) menerusi lapan sesi iaitu 560 minit dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, di pusat sumber dan di makmal komputer. Eksperimen Satu Kumpulan menggunakan 15 pelajar. Temu bual juga dijalankan terhadap lima pelajar terpilih untuk memberi sumbangan pendapat mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran sebelum dan selepas modul diimplemntasikan terhadap mereka.

Bagi menguji modul yang mereka pelajari, ujian dijalankan terhadap 15 orang pelajar dalam ujian pemahaman pantun Melayu berasaskan maksud al-Quran, pertandingan penciptaan pantun Melayu berasaskan maksud al-Quran dengan penggunaan *power point*, dan kaji selidik sikap pelajar terhadap pantun Melayu. Dapatan penilaian kepenggunaan daripada pandangan mereka berpuas hati dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta mereka mempunyai persepsi positif terhadap aktiviti-aktiviti yang mereka alami semasa pengajaran dan pembelajaran dalam penghasilan *creating workbook* atau buku skrap yang menjadikan pengajaran dan pembelajaran mereka ceria untuk menyiapkan kerja mereka dalam memberi persaingan yang sihat di dalam pembelajaran mereka juga menguji kepintaran mereka mencari idea baru dalam penciptaan pantun Melayu berasaskan maksud al-Quran dalam pantun jenaka/humor/hiburan, pantun teka-teki/soalan, dan pantun sindiran (moral dan akhlak).

Sebagai rumusan, kajian tentang Penilaian Penggunaan Modul Pengajaran Pantun Melayu Tingkatan 2 Berasaskan Maksud Al-Quran Mengenai Keindahan Flora, Fauna Dan Langit yang dijalankan oleh pengkaji telah dikenalpasti sebagai satu alternatif penyelesaian terhadap pengajaran elemen KOMSAS di sekolah menengah bukan sahaja untuk kelas aliran khas agama, tetapi juga untuk guru dan murid di kelas aliran perdana yang lain.

## RUJUKAN

*Al-Quran dan Terjemahan*, (2009). Kuala Lumpur: Iqra Pintar Sdn Bhd.

*Al-Quran dan Terjemahan*, (2012). Selangor: Yayasan Restu.

Baharuddin Ahmad & Hassan Noor (2015). *Pengajaran & Pembelajaran dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: SAM Synergy Media Sdn Bhd.

Baxter, S., & Gray, C. (2001). The application of Student-centered Learning approaches to clinical education. *International Journal of Language & Communication Disorders/ Royal College of Speech & Language Therapists*, 36 (Supl.), 396-400.

Boon Pong Ying & Ragbir Kaur (1998). *Siri Bimbingan Diploma Perguruan Pedagogi (Semester 11)* Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Brainy Quote, (2009). *Definition of Theaching*, mhtml: File://C:\constructivism\Definition of Teaching. mht diakses 27 Oktober 2009.

Chase, C.C., & Geldenhuys, K.M. (2001). Student-centered teaching in a large heterogeneous class. *Medical Education*, 35(11), 1071. Free Online Dictionary Thesaurus and Encyclopedia, (2009). *Teaching*.

Ghazali Darulsalam & Sufean Hussin, (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan, Amal dan Analisis*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Jelani Harun, (2004). *Ilmu Kesusasteraan Abad Ke-21*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Juriah Long, (2008). *Pendidikan Bahasa Melayu: Antara hasrat dengan pelaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia, (1988). *Sukatan Pelajaran Malaysia KBSM*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Mahzan Arshad, (1994). "Pembentukan Soalan Kefahaman Bacaan Sastera dalam Pengajaran Bahasa Melayu" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa, Jilid 38*, Bil. 9 hlm. 841-848.

Matterson, S. dan Jones, D. (2000). *Studying Poetry*. London: Arnold.

Mok Soon Sang, (2010). *Pengurusan & Pentadbiran Organisasi Awam Kompetensi Generik untuk Pegawai perkhidmatan Awam Gred 41-54*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

- Motschnig-Pitrik, R., & Holzinger, A. (2002). Student- centered teaching meets new media: Concept and casa study. *IEEE Educational Technology & Society*, 5 (4), 160-172.
- Muhammad Haji Salleh (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Cetekan Petama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) (2001). *Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan Pembelajaran*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rashidah Mohd (2014). *Dunia Berjodoh Dalam Pantun Peranakan Baba Melaka*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Rajendran Nagappan, (2001). Pengajaran Kemahiran berfikir aras tinggi: Kesediaan Guru Mengendali Proses Pengajaran Pembelajaran. *Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Projek Kemahiran Berfikir secara kritis Dan kreatif*. Poster Warisan-Pendidikan 2001 di Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rajendran Nagappan, (2001). Language teaching and the Enhancement of higher-Order Thinking Skills. *Language Curriculum and Instruction in Multicultural Societies*. SEAMEO Regional Language Centre. Singapore, 6 February.
- Rajendran Nagappan, (2001). The Teaching of Higher-Order.Thinking Skill in Malaysia. *Journal of Southeast Asian Education*. Vol.2. No 1.
- Rosenblatt, L. M., (1978). *The Reader, the text, the Poem*. Carbondale: Southern Illinois University Press.
- Salinah Ja'afar, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Zurinah Hassan dan Shafa'atussara Silahudin, (2016). *Wacana Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salkind, N.J. (2006). *Exploring Research*. Sixth Edition. USA: Pearson Education, Inc.

#### **RUJUKAN LAIN**

- Kementerian Pendidikan Malaysia, (2017). Kelulusan untuk menjalankan kajian di sekolah, Institut Pendidikan guru, Jabatan Pendidikan Negeri dan bahagian di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. *KPM 600-3/2/3JLD 48(52)*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Putrajaya.